



SURAT PEMBERITAHUAN

JABATAN PERBENDAHARAAN BIL: 01/2014

PERATURAN JABATAN PERBENDAHARAAN BAGI PENGENDALIAN
KUTIPAN HASIL OLEH AGENSI KERAJAAN YANG MENGGUNAKAN
KEMUDAHAN BRUNEI DARUSSALAM E-PAYMENT GATEWAY
SERVICES.



Dengan hormat dan takzim, sukacita dipohonkan kerjasama Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan bagi memastikan semua prosedur yang dinyatakan dibawah diambil tindakan oleh Pegawai dan Kakitangan yang berkenaan:

1. TUJUAN DOKUMEN

Dokumen ini mengandungi Peraturan Perbendaharaan khusus bagi agensi-agensi kerajaan, mengenai aktiviti-aktiviti yang mereka perlu laksanakan sebagai agensi yang menggunakan sistem **Electronic Payment Gateway** [EPG]. Ianya menggariskan aktiviti-aktiviti baru dan perubahan yang perlu dilaksanakan oleh agensi-agensi yang membuat sambungan terus ke sistem EPG.

Dokumen ini juga berfungsi sebagai panduan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan, mengenai kesan sistem EPG kepada proses yang sedia ada.

2. PENGENALAN SISTEM EPG

Electronic Payment Gateway adalah sistem yang diperkenalkan oleh Kementerian Kewangan bertujuan bagi menggalakkan pembayaran secara elektronik dan meningkatkan efisiensi proses penyelarasan di Jabatan Perbendaharaan.

Payment Gateway Service Operator [PGSO] adalah satu unit yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perbendaharaan dan unit tersebut bertanggungjawab mengendalikan operasi sistem EPG.

Dengan bermulanya sistem EPG, informasi mengenai kutipan hasil bagi agensi berkenaan akan di salurkan ke sistem TAFIS dan sistem agensi berkenaan secara automatik. Dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kutipan, seperti penyata kutipan dari pihak Institusi kewangan, buku tunai dan penyata pemungut selaras dengan Peraturan Kewangan 1983 akan disalurkan secara elektronik.

Sistem EPG ini juga akan membolehkan agensi berkenaan memuat naik bil tuntutan ke dalam sistem EPG *database* bagi membolehkan saluran institusi kewangan-institusi kewangan dan pihak agensi ketiga yang lain untuk mendapatkan maklumat mengenai bil-bil yang dikenakan bagi seseorang pelanggan dan seterusnya mempaparkan informasi berkenaan melalui saluran seperti *Internet Institusi kewangan*.



3. ENTITI YANG MENYERTAI SISTEM EPG

Pada peringkat permulaan sistem EPG akan dilancarkan dengan Tiga [3] Agensi Kerajaan iaitu Jabatan Perkhidmatan Elektrik; Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan; dan Pejabat Pos; dan Empat [4] Institusi Kewangan iaitu Bank Standard Chartered; Hongkong Shanghai Bank Corporation; Bank Islam Brunei Darussalam; dan Bank Baiduri.

4. PROSES DAN FUNGSI SISTEM EPG

4.1. Instrumen Pembayaran

Dengan sistem EPG, berikut adalah instrumen pembayaran yang boleh digunakan tertakluk kepada saluran pembayaran yang dipilih,

- 4.1.1. *Cash*
- 4.1.2. *Credit Card*
- 4.1.3. *Direct Account Transfer*
- 4.1.4. *Local Cheque/ Local Bank Draft*
- 4.1.5. *Foreign Cheque/ Foreign Bank Draft*
- 4.1.6. *Telegraphic Transfer*

4.2. Fungsi-Fungsi SISTEM EPG

Sistem EPG mengenalkan dan membolehkan beberapa fungsi-fungsi yang akan memberikan kesan positif kepada pembayar, agensi kerajaan [billers], institusi kewangan dan Jabatan Perbendaharaan.

Fungsi-fungsi sistem EPG adalah seperti berikut:-

- 4.2.1. *Bill Presentment*
- 4.2.2. *Bill Validation*
- 4.2.3. *Real Time Payment Advice*
- 4.2.4. *EPG Enabled Direct Account Transfer*
- 4.2.5. *EPG Enabled Scheme Card*
- 4.2.6. *Reporting & Reconciliation*
- 4.2.7. *EPG Over-the-Counter Portal*

4.3. Proses Pembayaran Kutipan

Dengan pengenalan sistem EPG, pengguna akan dapat membuat pembayaran bil-bil Kerajaan melalui berbagai saluran pembayaran yang ditawarkan oleh institusi kewangan mahupun agensi yang berkenaan. Semua informasi pembayaran perlu disalurkan ke sistem EPG secara **Real Time** atau **Batch**. 



4.4 Proses Membayar Masuk Kutipan

4.4.1 Sub-Akaun Bagi Agensi Kerajaan

Setiap agensi yang menggunakan kemudahan sistem EPG, akan dibukakan **SUB-AKAUN** di setiap institusi kewangan yang mempunyai integrasi dengan sistem EPG. Keperluan ini adalah bagi memudahkan penyelarasan transaksi pembayaran dibuat. Pihak institusi kewangan hanya akan membuat pindahan dari sub-akaun kepada akaun utama kerajaan sebaik sahaja dana kutipan tersebut diluluskan [*cleared*].

Sub-akaun tersebut hanya boleh digunakan untuk menerima kutipan hasil setiap agensi berkenaan dan tidak dibenarkan untuk membuat sebarang pembayaran keluar melalui akaun tersebut.

4.4.2 Proses End of Day [EOD] Deposit

Setiap agensi yang menerima pembayaran kutipan sebagai Agen Pemunggut, perlu memastikan jumlah pembayaran kutipan yang diterima pada akhir hari [EOD] disahkan betul dan tepat sebelum dimasukkan ke dalam sub-akaun agensi tersebut. Setiap Agen Pemunggut dikehendaki:

- a) menggunakan *Collection Agent IDs* sebagai *Deposit Narratives* semasa memasukkan wang kutipan ke dalam Institusi kewangan berkenaan, dan
- b) memastikan *Cash Deposit Reference* yang diperolehi daripada pihak institusi kewangan bagi wang kutipan secara tunai dimasukkan ke sistem agensi berkenaan dan dimaklumkan ke sistem EPG seperti yang ternyata dalam *EPG Interface Specification*.

4.5 Proses Penghantaran Lapuran

4.5.1. Payment Advice

Apabila menerima pembayaran kutipan melalui saluran pembayaran yang disediakan oleh agensi tersebut, **PAYMENT ADVICE** perlu dihantar ke sistem EPG secara *real time* atau *batch*. Informasi yang diperlukan adalah seperti yang dinyatakan dalam *EPG Interface Specification*.

4.5.2. Cash Deposit Reference

Bagi setiap memasukkan kutipan wang tunai kedalam institusi kewangan, Agen Pemunggut perlu memastikan **CASH DEPOSIT REFERENCE** dimasukkan ke dalam sistem agensi berkenaan dan memaklumkan ke sistem EPG **sebelum jam 10:00 pagi** di hari berikutnya. RA



4.5.3. Channel Reconciliation File

Agensi berkenaan adalah bertanggungjawab bagi menghantar **CHANNEL RECONCILIATION FILE** ke sistem EPG. Format laporan ini perlu mematuhi spesifikasi pesanan yang dinyatakan di dalam *EPG Interface Specification*.

Channel Reconciliation File berkenaan perlu dihantar **sebelum jam 2:00 pagi** waktu Brunei setiap hari bekerja bagi transaksi pembayaran yang dilaksanakan pada hari sebelumnya.

4.5.4. Biller Reconciliation File

SISTEM EPG akan memuat naik maklumat mengenai pembayaran kutipan yang dibuat melalui semua saluran pembayaran pada hari kutipan tersebut dan agensi berkenaan dimestikan memuat turun file tersebut dalam tempoh **satu [1] hari bekerja** dan memasukkan data pembayaran tersebut ke dalam sistem *billing* Agensi berkenaan pada hari yang sama.

4.6 Proses Penghantaran Laporan Penyata Ke Jabatan Perbendaharaan

Selaras dengan matlamat jabatan untuk mengautomasikan penghantaran informasi mengenai pembayaran kutipan hasil kerajaan ke Jabatan Perbendaharaan, pihak agensi yang telah diintegrasikan dengan sistem EPG, **tidak diperlukan** untuk membuat penghantaran Buku Tunai, Penyata Pemunggut, Laporan Kutipan Harian dan Slip Deposit ke Jabatan Perbendaharaan secara manual.

Pihak Institusi kewangan juga tidak diperlukan untuk menghadapkan kepada agensi berkenaan dokumen sokongan seperti *Credit Advice* dan *Transaction Report*. Laporan tersebut akan dihantar secara elektronik oleh pihak agensi dan pihak institusi kewangan ke sistem EPG. Sistem EPG akan membuat penyelarasan secara automatik ke atas data-data pembayaran yang dilaporkan oleh kedua-dua pihak berkenaan dan seterusnya dimuat naik data pembayaran yang telah disatukan mengikut **CHART FIELD ACCOUNT** ke sistem TAFIS.

Untuk kegunaan pengauditan, setiap agensi yang berkenaan dikehendaki menyimpan salinan resit dan laluan transaksi pembayaran selama **Tujuh (7) tahun**. Adalah menjadi tanggungjawab agensi berkenaan untuk mengadakan dan mengekalkan laporan yang dikehendaki oleh pihak Audit di dalam sistem agensi tersebut.

Ra



4.7. Proses Penyelarasan Kutipan Pembayaran

Sistem EPG akan menghadapkan **TAFIS COLLECTION REPORT** ke sistem TAFIS secara elektronik bagi pihak agensi-agensi berkenaan. Laporan tersebut mengandungi informasi mengenai pembayaran kutipan harian yang telah diluluskan oleh institusi kewangan dan diselaraskan oleh sistem EPG.

Sebaik sahaja sistem TAFIS berjaya memproses rekod tersebut, sistem TAFIS akan mengeluarkan **TREASURY RECEIPT ID** dan membuat penghantaran balik ke sistem EPG yang seterusnya dimaklumkan kepada semua agensi berkaitan melalui *Biller Reconciliation File*. Laporan tersebut mengandungi maklumat terperinci mengenai transaksi yang dilaporkan ke dalam TAFIS.

4.8 Proses Pengendalian Cek

Cek adalah salah satu instrument pembayaran yang boleh digunakan oleh pelanggan bagi membayar bil-bil kerajaan. Seperti mana-mana instrumen yang lain, ianya perlu dimasukkan kedalam sub-akaun agensi berkenaan sebelum ianya dipindahkan ke akaun utama kerajaan setelah diluluskan [cleared] oleh institusi kewangan berkenaan.

Sistem EPG hanya akan melaporkan semua transaksi pembayaran yang telah diselaraskan dan diluluskan oleh pihak institusi kewangan ke sistem TAFIS bagi proses pengkreditan ke lejar akaun yang bersesuaian.

Agensi berkenaan boleh mendapatkan informasi mengenai status penjelasan [clearing status] cek-cek tersebut melalui *Biller Reconciliation File* yang boleh dimuat turun dari sistem EPG.

4.9. Proses Pengendalian Telegraphic Transfer dan Foreign Cheque

Semua pembayaran menggunakan pindahan telegraf atau cek dari luar negeri, agensi berkenaan perlu memastikan pembayaran tersebut dimasukkan terus ke dalam sub-akaun agensi berkenaan.

Agensi berkenaan juga dikehendaki menghadapkan *Payment Advice* ke sistem EPG sebaik sahaja transaksi tersebut diluluskan oleh pihak Institusi kewangan.

5. MATAWANG YANG DIBENARKAN

Sistem EPG hanya akan melaporkan kutipan pembayaran dalam matawang Brunei. Setiap pembayaran dalam matawang asing perlu:-

- a) ditukar kepada matawang Brunei oleh pihak institusi kewangan yang menerima,
- b) dimasukkan kedalam sub-akaun agensi berkenaan, dan
- c) dilaporkan ke sistem EPG oleh kedua-dua entiti [institusi kewangan dan agensi].



6. CAJ BANK

Caj yang dikenakan oleh pihak institusi kewangan [contoh: *Merchant Discount Rate*] akan diselaraskan, disahkan dan diproses untuk pembayaran secara automatik, tanpa memerlukan penghantaran invois dari pihak institusi kewangan.

Dengan berpandukan informasi pembayaran yang diterima daripada pihak institusi kewangan dan agensi berkenaan, sistem EPG akan membuat perkiraan jumlah yang perlu dibayar kepada pihak institusi kewangan dan seterusnya menghantar informasi tersebut ke TAFIS.

Sistem TAFIS akan menjana secara automatik baucer pembayaran kepada pihak institusi kewangan yang berkenaan. Jika terdapat sebarang pertikaian mengenai jumlah yang dijelaskan, pihak institusi kewangan boleh berhubung terus dengan PGSO melalui meja bantu sistem EPG.

7. AKTIVITI PENGURUSAN BIL

Salah satu fungsi yang ditawarkan oleh sistem EPG adalah bagi membolehkan agensi berkenaan untuk memuat naik bil-bil ke dalam database sistem EPG bagi penyebaran dan penghantaran informasi mengenai bil tersebut. Bagi memastikan sistem EPG memberikan informasi terkini, betul dan tepat, agensi berkenaan dikehendaki,

- a) memuat naik semua bil-bil yang masih tertunggak atau aktif,
- b) memuat naik bil yang baru dikeluarkan, dibatalkan dan diubahsuai dalam tempoh satu hari bekerja selepas informasi tersebut dikeluarkan.
- c) Mengemaskinikan nombor kad pengenalan di dalam bil-bil tersebut.

8. AKTIVITI PENGESAHAN BIL MELALUI KAUNTER PEMBAYARAN

Bagi pembayaran melalui saluran Kaunter Pembayaran [*OTC Channel*] di pejabat agensi berkenaan, kerani kaunter adalah bertanggungjawab dalam mengesahkan identiti sebenar pelanggan tersebut dengan membuat pemeriksaan ke atas Kad Pengenalan dan Sijil Pendaftaran Syarikat tersebut sebelum membuat **SEARCH BILL** ke sistem EPG bagi mendapatkan informasi mengenai bil berkenaan.

Kerani kaunter juga dikehendaki memastikan semua maklumat bil terutama sekali **SISTEM EPG BILL REFERENCE** [EBR] adalah betul dan tepat sebelum menerima pembayaran tersebut. 



9. REFUNDS, REVERSALS AND CHARGEBACKS

Berikut adalah definasi yang akan digunakan:

- a) "**REFUND**" bermaksud wang kutipan yang dikembalikan oleh agensi berkenaan kepada pelanggan bagi transaksi pembayaran yang telah berjaya diluluskan dan diselaraskan melalui TAFIS. Pengembalian wang kutipan tersebut perlu diuruskan oleh agensi berkenaan mengikut proses yang dipraktikkan pada masa ini. Jika perkara ini menyebabkan perubahan pada bil yang berkenaan, agensi dikehendaki menghantar ke sistem EPG, bil baru tersebut;
- b) "**REVERSAL**" bermaksud wang kutipan yang dikembalikan oleh agensi berkenaan kepada pelanggan tersebut bagi transaksi pembayaran sebelum transaksi tersebut diluluskan;
- c) "**CHARGEBACK**" bermaksud wang kutipan yang ditarik balik oleh pihak institusi kewangan berikutan dengan aduan daripada pelanggan mengenai tuntutan yang tidak diakui.

Bagi mana-mana jumlah wang yang tersalah masuk ke dalam sub-akaun yang diperuntukkan, pihak institusi kewangan hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari mengesan kesilapan, memaklumkan dan menguruskan penyelarasan wang kutipan tersebut mengikut perjanjian perbankan yang lazim di antara Kerajaan dan Institusi kewangan.

Refunds dan *Reversals* akan dikendalikan terus diantara agensi pemunggut dengan pelanggan tersebut. Pihak institusi kewangan dikehendaki mengendalikan *Chargebacks* mengikut garispandu operasi institusi kewangan sendiri, tertakluk kepada senario berikut:

- a) *Reversals/Chargebacks* berlaku sebelum sistem EPG menerima *Payment Advice* dan wang kutipan dimasukkan ke sub-akaun agensi tersebut. Kerani kaunter boleh membuat pembatalan pada transaksi tersebut dan tidak perlu menghantar informasi tersebut ke sistem EPG.
- b) *Reversals* berlaku selepas informasi pembayaran disalurkan ke sistem EPG akan tetapi belum dimasukkan ke dalam sub-akaun. Jika pelanggan tersebut masih ada di kaunter pembayaran, kerani kaunter perlu membatalkan pembayaran tersebut dan seterusnya menghantar informasi mengenai pembatalan tersebut ke sistem EPG. Manakala jika pelanggan tersebut sudah meninggalkan kaunter pembayaran, transaksi tersebut tidak boleh dibatalkan.

10. GARIS PANDU BAGI PENERIMAAN PEMBAYARAN MELALUI SISTEM EPG

Selaras dengan perancangan pelaksanaan projek tersebut, integrasi dengan sistem EPG akan dilartatkan kepada agensi-agensi kerajaan yang lain secara berperingkat-peringkat. Bagi memulakan proses integrasi tersebut, pihak PGSO akan berhubung dengan agensi bagi menentukan kesediaan agensi berkenaan dari segi operasi dan sistem yang sedia ada untuk menggunakan kemudahan yang ditawarkan oleh sistem EPG. *Ra*



10.1. Keperluan Teknikal

Bagi melaksanakan integrasi ke sistem EPG, Unit PGSO telah menyediakan dan akan mengeluarkan dokumen-dokumen berikut:-

- 10.1.1. *Brunei Government EPG Interface Specification*
- 10.1.2. *EPG Connection Guide*
- 10.1.3. *EPG PKI & IAM Guide*
- 10.1.4. *EPG Reconciliation Report*

Agensi berkenaan dikehendaki untuk melaksanakan integrasi secara teknikal mengikut spesifikasi *EPG Interface Specifications* dan lain-lain dokumen sokongan yang disediakan. Agensi tersebut juga dikehendaki membuat perubahan yang bersesuaian ke atas proses operasi [*business process*] bagi membolehkan penggunaan kemudahan yang ditawarkan oleh sistem EPG.

10.2. Bantuan Khusus dari PGSO

Kepada agensi-agensi yang masih mempraktikkan pembayaran kutipan secara manual, ianya terlebih dahulu perlu diautomasikan bagi membolehkan integrasi diantara dua sistem dilaksanakan.

Bagi mana-mana agensi yang telah mempunyai sistem *Point of Sale* [POS], PGSO akan bekerjasama dengan agensi berkenaan untuk melaksanakan pengujian teknikal ke atas sistem agensi tersebut sebaik sahaja ianya dinaik taraf bagi memastikan ianya boleh mula digunakan.

PGSO juga akan bekerjasama dengan agensi-agensi tersebut bagi melaksanakan perubahan proses operasi bagi memastikan kesediaan agensi berkenaan untuk menggunakan sistem EPG.

MEJA BANTUAN PGSO ditubuhkan khusus untuk memberi bantuan penyelesaian jika terdapat permasalahan atau pertikaian mengenai data pembayaran atau gangguan ke atas rangkaian sistem EPG. Pihak institusi kewangan dan agensi berkenaan bolehlah berhubung terus ke Meja Bantu PGSO atau menghantar email bagi setiap bantuan yang diperlukan.

"Taaf Beragama Membawa Berkat"

[ROKIAH BTE HJ BADAR]

Pemangku Jurukira Agung
Jabatan Perbendaharaan
Kementerian Kewangan

Tarikh : 23/2/2014